

SULIT

**JABATAN PENDIDIKAN NEGERI JOHOR
(UNIT KURIKULUM)
MAJLIS GURU BESAR JOHOR**

**011
Bahasa Melayu
Pemahaman**

**UJIAN PENGESANAN PRESTASI MURID 2 (Mei 2002)
Tahun 6**

BAHASA MELAYU

Ujian Pemahaman

Satu Jam

Nama Pelajar : Tahun :

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi **50** soalan. Jawab **semua** soalan.
2. Jawab dengan menghitamkan ruang pada kertas jawapan.
3. cara menjawab adalah seperti di bawah ini.

Contoh Soalan:

Ali menulis namanya apda buku dengan

- A. pembaris
- B. pemadam
- C. pensel
- D. kapur

Jawapan yang betul bagi contoh soalan ialah pensel dan hurufnya ialah C. lihat contoh pada kertas jawapan yang diberikan. Ruangan huruf C telah dihitamkan.

5. Bagi satu soalan hitamkan satu ruangan sahaja.
6. Jika kamu hendak menukar ajwapan. Padamkan tanda yang telah dibuat hingga habis. kemudian hitamkan jawapan yang baru.

Soalan 1 hingga Soalan 5

Baca syarahan di bawah dan kemudian jawab soalan – soalan berikutnya.

Salam sejahtera saya ucapkan kepada Tuan Pengerusi Majlis, Guru Besar, Guru-guru dan murid-murid sekalian. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana mengundang saya dan Jabatan Alam Sekitar untuk memberi syarahan pada pagi itu.

Saya ingin mengucapkan tahniah kerana penglibatan murid-murid dalam Persatuan Alam Sekitar membuktikan bahawa mereka peka tentang pentingnya menjaga alam sekitar. Kesedaran ini amat penting untuk menjaga kebersihan alam sekitar.

Sehubungan itu, tajuk syarahan saya pada pagi ini ialah ‘Kesan-kesan Perindustrian Ke atas Alam Sekitar’. Tidak dapat dinafikan bahawa negara kita menuju ke arah negara perindustrian dan tidak lagi bergantung semata-mata kepada sektor pertanian sahaja. Usaha kerajaan kita adalah kerana ingin menjana ekonomi negara. Namun begitu, kita harus sedar bahawa perkembangan perindustrian yang pesat dan tidak terancang akan mengakibatkan kesan-kesan buruk kepada alam sekitar.

Para hadirin sekalian.

Sungai kita semakin tercemar kerana pembuangan sisa-sisa toksid daripada kilang-kilang. Tindakan yang tidak bertanggungjawab ini telah menghapuskan banyak hidupan sungai seperti ikan dan udang. Akibatnya, pendapatan kaum nelayan terjejas apabila tangkapan mereka semakin berkurangan. Selain itu asap dan habuk daripada kilang-kilang boleh menyebabkan penyakit kulit dan asma kerana udara sudah tercemar.

Apabila sesuatu kawasan dibangunkan untuk perindustrian, ramai orang akan berhijrah ke kawasan tersebut. Akibatnya, wujud peluang pekerjaan, penduduk semakin ramai, bilangan kenderaan di jalan-jalan raya semakin banyak dan lalu lintas serta tempat tinggal semakin sesak.

Para hadirin sekalian.

Alam sekitar kita akan binasa dan kehidupan manusia turut terancam sekiranya usaha-usaha untuk memajukan sektor perindustrian tidak dibangunkan dengan terancang. Pengawalan yang rapi terhadap pencemaran perlu dikuatkuasakan melalui undang-undang alam sekitar. Pihak kerajaan, pekilang dan masyarakat perlu mengambil perhatian yang serius kepada masalah pencemaran yang semakin meruncing dari semasa ke semasa.

Sekian terima kasih.

1	Syarahannya ini disampaikan oleh
A	Murid
B	Pegawai kerajaan
C	Pengerusi Majlis
D	Guru Besar

2	Mengapakah kerajaan memajukan sektor perindustrian?
A	Kerana hendak mengurangkan hasil pertanian
B	Kerana hendak menawarkan peluang pekerjaan
C	Kerana hendak mengembangkan ekonomi negara
D	Kerana hendak menggalakkan orang ramai berhijrah

3	Apakah kesannya apabila sungai tercemar?
A	Rezeki nelayan semakin sedikit
B	Penduduk senang mendapat penyakit asma
C	Hidupan sungai semakin banyak
D	Ikan dan udang mudah diperolehi

4	Pernyataan berikut benar tentang syarahan, kecuali
A	Wujudnya kesedaran dalam diri murid tentang kepentingan menjaga alam sekitar
B	Kemajuan perindustrian menyebabkan pencemaran air, udara dan bunyi
C	Kawasan yang berhampiran dengan kilang-kilang akan menjadi lebih sibuk.
D	Pihak kerajaan bertanggungjawab menyelesaikan masalah pencemaran.

5	Perkataan dikuatkuasakan dalam syarahan bermaksud
A	Dilaksanakan
B	Diisytiharkan
C	Diperketatkan
D	dikemaskinikan

Soalan 6 hingga Soalan 10

Baca petikan di bawah kemudian jawab soalan berikutnya.

Peratus kemalangan jalan raya semakin meningkat dari setahun ke setahun. Kemalangan yang berlaku pula banyak mengorbankan nyawa manusia. Kemalangan adalah suatu tragedi. Jangan biarkan orang yang disayangi menanti kita dalam kesedihan.

Sebagai pemandu yang bersopan, perlulah memastikan kenderaan berada dalam keadaan selamat sebelum memulakan perjalanan. Perkara ini perlu diambil berat selain bersopan di jalan raya yang menjadi perkara pokok dalam mengelakkan kemalangan.

Untuk bersopan di jalan raya, seseorang pemandu itu harus berada dalam keadaan segar, tidak letih, mengantuk ataupun mabuk. Seseorang yang menghadapi masalah akan menyebabkan konsentrasi semasa memandu terganggu. Oleh itu, ramai pemandu telah hilang pedoman, hilang tatasusila di jalan raya dan menjadikan mereka pemandu yang lalai dan tidak bertimbang rasa. Mereka akan melakukan kesilapan yang akan menyebabkan kemalangan.

Sebagai pemandu yang bersopan, perkara yang paling penting adalah kesedaran dalam diri pemandu itu sendiri. Sikap mementingkan diri sendiri haruslah dikikis dari hati pengguna jalan raya. Selain daripada kesedaran, undang-undang jalan raya perlulah dipatuhi. Segala isyarat dan papan tanda yang disediakan perlu diikuti. Kemudahan ini disediakan untuk mengingatkan dan memberi amaran kepada pengguna jalan raya supaya berhati-hati.

Jalan raya bukanlah tempat untuk berlumba. Sebagai seorang pemandu yang bersopan, kesabaran adalah penting. Pemandu perlu lebih bersabar semasa memandu di kawasan yang sesak dan sibuk. Kemalangan sering berlaku akibat daripada sikap pemandu yang suka berlumba – lumba dan sering mementingkan diri sendiri.

Pemandu yang bersopan akan lebih berhati-hati di kawasan yang kerap berlaku kemalangan. Berhati-hati di jalan raya adalah satu amalan yang baik. Bersopan di jalan raya mengelakkan daripada kemalangan, pandu cermat jika kita selamat.

6	Apakah penyebab utama berlakunya kemalangan jalan raya?
A	Suka berlumba-lumba di jalan raya
B	Memandu dengan tidak berhati-hati
C	Tidak bertimbang rasa di jalan raya
D	Kenderaan dalam keadaan tidak selamat.

7	Apakah ciri yang paling utama untuk menjadi pemandu yang bersopan?
A	Sentiasa sabar semasa memandu
B	Memandu dalam keadaan segar dan selesa
C	Memastikan kenderaan dalam keadaan selamat.
D	Tidak mementingkan diri sendiri semasa memandu.

8	Mengapakah isyarat dan papan tanda disediakan di jalan raya?
A	Menjadi pedoman supaya pengguna jalan raya tidak lalai.
B	Supaya pengguna jalan raya tidak berlumba-lumba di jalan raya.
C	Mengingatkan dan memberi amaran kepada pengguna jalan raya.
D	Supaya pemandu lebih bersopan dan bertimbang rasa di jalan raya.

9	Berikut adalah punca berlakunya kemalangan jalan raya, kecuali	
	A	Memandu dengan bertatasusila
	B	Hilang pedoman semasa memandu
	C	Tidak bermaya semasa memandu
	D	Memandu dalam keadaan lalai.

10	Perkataan kosentrasi dalam petikan sesuai digantikan dengan	
	A	Pandangan
	B	Perhatian
	C	Tumpuan
	D	gangguan

Soalan 11 hingga soalan 15

Baca petikan di bawah dan kemudian jawab soalan berikutnya.

Tersebutlah sebuah kisah di sebuah Negeri Antah Berantah yang aman dan damai kehidupannya. Di situ, tinggallah sepasang suami isteri iaitu Pak Malau dan Mak Seri yang mempunyai tanah huma yang luas mata memandang. Simpanan padi mereka sebanyak tujuh buah gubuk tidak habis sampai ke anak cucunya.

“kenapa abang kelihatan muram sejak pagi tadi?” tanya Mak Seri kepada suaminya. “Aku sedang memikirkan tentang nasib kita yang sudah tua tetapi belum juga mempunyai anak. Kalau kita mati siapakah yang akan mewarisi harta kita ini?” keluh Pak Malau dengan kehampaan.

“Cubalah abang bernazar, mudah-mudahan Allah mengabulkan doa kita,” kata Mak Seri. Kata-kata Mak Seri membuat Pak Malau berfikir seketika lalu ia bernazar, “Ya Allah, andai kata aku mendapat anak lelaki, aku akan memberikannya makan segantang beras sehari. Apabila berumur dua tahun, dua gantang beras pula sehari. Begitulah seterusnya hingga anakku besar,” katanya dalam hati.

Dengan takdir Allah, maka isteri Pak Malau pun hamil. Apabila genap sembilan bulan sepuluh hari Mak Seri mengandung, maka tibalah masanya dia bersalin. Dia selamat melahirkan seorang bayi lelaki yang diberi nama Mamat. Suatu kejadian yang pelik berlaku apabila Mamat dilahirkan bersama sebilah golok kecil. Golok itu disimpan oleh Pak Malau.

Mamat membesar seperti nazar Pak Malau iaitu sehari makan segantang beras. Apabila berumur dua tahun, Mamat makan dua gantang beras sehari. Mamat sudah besar. Begitulah juga dengan goloknya, semakin hari semakin membesar. Akhirnya dia digelar Mamat Golok. Kini, dia makan lima belas gantang beras sehari. Akhirnya, padi Pak Malau pun habis. Mereka terpaksa menjual ladang humanya untuk menampung keperluan seharian Mamat Golok.

“Apalah malang nasib kita, dapat anak menjadi melarat pula kehidupan kita,” kata Pak Malau pada suatu pagi. “Apa nak buat bang, dulu abang juga bernazar begitu,” sahut isternya. “Nampaknya hanya ada satu cara saja, kita terpaksa membuang Mamat,” kata Pak Malau.

11	Apakah pekerjaan Pak Malau sekeluarga?	
	A	Petani huma
	B	Peniaga padi huma
	C	Penanam padi huma
	D	Penjual tanah huma

12	Apakah nazar Pak Malau?	
	A	Mendapat seorang waris
	B	Mendapat seorang anak
	C	Mendapat Awang Golok
	D	Mendapat anak lelaki

13	Pernyataan di bawah menggosarkan hati Pak Malau kecuali	
	A	Bayinya lahir bersama golok
	B	Mereka tidak mempunyai anak
	C	Padinya telah habis tujuh gubuk
	D	Mamat Golok makan banyak

14	Padi huma ialah	
	A	Padi sawah
	B	Padi bukit
	C	Padi gunung
	D	Padi beras

15	Kawasan Negeri Antah Berantah adalah merupakan kawasan tanah pamah	
	A	Tanah pamah
	B	Tanah bukit
	C	Persisiran pantai
	D	Delta

Soalan 16 hingga soalan 20

Baca iklan di bawah dan kemudian jawab soalan-soal berikut.

PERADUAN MELUKIS ANJURAN JABATAN PENDIDIKAN NEGERI JOHOR	
Peraturan-peraturan penyertaan	
1	Peraduan terbuka kepada semua pelajar sekolah rendah di Negeri Johor.
2.	Peraduan dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu: Kategori A – 7 hingga 9 tahun Kategori B - 10 hingga 12 tahun
3.	Penyertaan boleh dibuat dengan menggunakan borang yang disediakan. Pihak penganjur telah menghantar borang-borang tersebut ke semua sekolah di Negeri Johor.
4.	Borang yang telah diisi hendaklah disahkan oleh guru besar sekolah masing-masing.
5.	Peserta-peserta dikehendaki membawa alatan melukis. Kertas lukisan disediakan oleh pihak penganjur.
6.	Tajuk-tajuk lukisan akan diberitahu semasa pertandingan hendak dimulakan.
7.	Ibu bapa atau guru pengiring tidak dibenarkan berada di tempat peraduan semasa peserta mengambil bahagian.
8.	Hadiah-hadiah disediakan untuk pemenang pertama, kedua, ketiga dan 10 hadiah suguhati.
9.	Semua lukisan akan menjadi milik penganjur.
10.	Peraduan melukis ini akan diadakan di kawasan letak kereta Jabatan Pendidikan Negeri Johor pada 11 Mei 2002 jam 9.00 pagi.
11	Keputusan pengadil adalah muktamad.

16	Peserta-peserta pertandingan melukis dibahagikan mengikut
	A Kebolehan melukis
	B Kumpulan umur
	C Kumpulan sekolah
	D Kepandaian melukis

17	Mengapakah borang penyertaan itu perlu disahkan oleh guru besar?
	A Untuk menentukan borang itu diisi dengan betul?
	B Untuk menentukan maklumat yang diberi benar
	C Untuk mengesahkan peserta itu pandai melukis
	D Untuk mengesahkan peserta itu masih bersekolah

18	Ibu bapa atau guru pengiring tidak dibenarkan berada di kawasan peraduan melukis kerana
A	Khuatir mereka membantu peserta-peserta semasa melukis
B	Menyukarkan para hakim membuat keputusan
C	Boleh mengganggu kelancaran pertandingan
D	Bimbang peserta-peserta hilang tumpuan

19	Keputusan pengadil ada muktamat bermaksud
A	Keputusan tetap
B	Keputusan boleh dirunding
C	Pemenang telah ditetapkan
D	Menjadi hak penganjur untuk menentukan pemenang

20	Kenyataan di bawah semuanya benar, kecuali
A	Semua peserta dikehendaki menggunakan borang yang disediakan
B	Peserta-peserta tidak perlu membawa kertas lukisan
C	Peraduan melukis ini dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Johor
D	Semua murid sekolah rendah dan menengah layak menyertai peraduan ini.

Soalan 21 hingga Soalan 30

Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisikan di tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah.

21	Semua orang menyangka Mustaffa Manan akan dipilih sebagai _____ terbaik kerana dia bijak mematahkan hujah-hujah pihak pembangkang.
A	Bahaskan
B	Pembahas
C	Dibahaskan
D	perbahasan

22	"Pegawai baru kita yang baru dua bulan berpindah ke sini akan _____ rombongan melawat Batam nanti," kata Encik Omar kepada Encik Saffat.
A	Mengepalakan
B	Berkepalakan
C	Mengepalai
D	Dikepalai

23	Pihak kastam Malaysia berjaya _____ berkotak-kotak rokok kretek yang cuba diseludupkan ke negara kita dari negara jiran.
	A Mendapat
	B Mengambil
	C Menawan
	D Merenggut

24	Tuan Haji Johari sanggup menjual tanahnya untuk _____ pelajaran anak saudaranya jika gagal mendapatkan pinjaman.
	A Membiayai
	B Membayar
	C Menanggung
	D Melanjutkan

25	Encik Nandari berharap pasukan sepaktakraw di bawah bimbingannya akan muncul sebagai juara MSSJ pada tahun ini. _____, dia telah bertungkus-lumus melatih para pemainnya.
	A Dengan demikian
	B Namun begitu
	C Jika begitu
	D Oleh sebab

26	_____ Puan Rohana berjawatan tinggi, dia tidak bersikap sombong kepada pekerja-pekerja di bawah jagaannya.
	A Selagi
	B Sekiranya
	C Sementara
	D Sungguhpun

27	"Sudahkah _____ melawat Bachan di hospital?" Tanya Prem kepada Kuhan dan Sunil.
	A Kita
	B Kamu
	C kalian
	D Engkau

28	"Perintah _____ itu akan _____ laksanakan segera," kata Bendahara Tun Perak kepada Sultan Melaka.	
	A	Hamba.....baginda
	B	Tuanke.....patik
	C	Baginda.....tuanku
	D	Patik.....hamba

29	Pak Mail membawa beberapa _____ pucuk ubi dan dua _____ pisang berangan ke pekan untuk dijual di pasar tani.	
	A	Buku.....sisir
	B	Batang.....sikat
	C	lkat.....tandan
	D	Gugus.....biji

30	Ibu telah menyediakan _____ kek dan dua ratus _____ sate sebagai hidangan majlis hari lahir cucu kesayangannya.	
	A	Sepotong.....batang.
	B	Sebuku.....cucuk
	C	Sebuah.....pucuk
	D	Sebiji.....bilah

Soalan 31

Pilih perkataan berlawanan bagi perkataan yang bergaris.

31	Tapak rumah Pak Ahmad itu adalah tanah <u>kurniaan</u> sultan.	
	A	Pemberian
	B	Rampasan
	C	Penyerahan
	D	Pembelian

Soalan 32

Pilih perkataan seerti bagi perkataan yang bergaris

32	Hartanya habis <u>dikikis</u> oleh perempuan pisau cukur itu.	
	A	Dikikir
	B	Dihakis
	C	Ditarah
	D	Ditipu

Soalan 33

Pilih soalan yang paling sesuai bagi jawapan yang bergaris.

33	<u>Memberikan perhatian sepenuhnya semasa berada di dalam bilik darjah adalah salah satu teknik belajar cemerlang.</u>	
	A	Mengapakah perhatian sepenuhnya diperlukan di dalam bilik darjah.
	B	Apakah salah satu teknik belajar cemerlang?
	C	Apakah yang perlu dibuat di dalam bilik darjah?
	D	Bagaimanakah teknik belajar cemerlang?

Soalan 34

Pilih jawapan yang paling sesuai bagi soalan yang **bergaris**.

34	<u>Adakah kamu guru bimbingan di sekolah ini?</u>	
	A	Bukan, saya ada guru bimbingan di sekolah ini.
	B	Ya, saya akan dilantik sebagai guru bimbingan di sekolah ini.
	C	Ya, saya adalah guru bimbingan di sekolah ini.
	D	Tidak, guru bimbingan telahpun dilantik di sekolah ini.

Soalan 35 dan Soalan 36

Pilih peribahasa yang paling sesuai untuk diisikan di tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah.

35	Razali hanya tersengih seperti _____ apabila dimarah oleh Cikgu Ah Leng.	
	A	Kerang busuk
	B	Senyum kambing
	C	Senyum sumbing
	D	Nangka busuk

36	Hubungan Rahman dengan Ramasamy amat akrab sejak kecil lagi seperti _____	
	A	Aur dengan tebing
	B	Cincin dengan permata
	C	Isi dengan kuku
	D	Garam dengan asam

Soalan 37 dan Soalan 38

Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang bergaris.

37	"Awak akan dapat banyak pengalaman melalui program motivasi ini nanti," jelas Badrudin.	
	A	Badrudin menerangkan bahawa mereka yang mengikuti program motivasi ini akan mendapat banyak pengalaman.
	B	Badrudin memberitahu bahawa mereka yang mengikuti program motivasi ini mendapat banyak pengalaman.
	C	Badrudin mencadangkan bahawa mereka yang mengikuti program motivasi ini mendapat banyak pengalaman.
	D	Badrudin menyatakan bahawa mereka yang mengikuti program motivasi ini mendapat banyak pengalaman.

38	Sarah sedang memasak nasi beriani untuk majlis hari jadi anaknya.	
	A	Di majlis hari jadi Sarah, anaknya memasak nasi beriani.
	B	Dimasak nasi beriani oleh anaknya semasa hari jadi Sarah.
	C	Majlis hari jadi anaknya, Sarah dimasak oleh nasi beriani.
	D	Nasi beriani dimasak oleh Sarah untuk majlis hari anaknya.

Soalan 39 hingga Soalan 41

Pilih ayat yang menggunakan tanda baca dengan betul.

39	A	"Wah! Cantiknya rumah kamu. Siapakah tukang yang membuatnya? tanya Ismail kepada Johari.
	B	"Wah, cantiknya rumah kamu! Siapakah tukang yang membuatnya?" Tanya Ismail kepada Johari.
	C	"Wah,cantiknya rumah kamu. Siapakah tukang yang membuatnya," tanya Ismail kepada Johari.
	D	"Wah, cantiknya rumah kamu! Siapakah tukang yang membuatnya?" tanya Ismail kepada Johari.

40	A	Silalah, tunggu sebentar. Sekejap lagi doctor Nora akan datang merawat pesakit.
	B	Silalah tunggu sebentar sekejap lagi Doktor Nora akan datang merawat pesakit.
	C	Silalah tunggu sebentar. Sekejap lagi Doktor Nora akan datang merawat pesakit.
	D	Silalah tunggu sebentar, sekejap lagi Doktor Nora akan datang merawat pesakit.

41	A	Entahlah, sejak setahun lalu saya masih belum mendapat berita daripada abang saya di luar negeri.
	B	Entahlah. Sejak setahun lalu, saya masih belum mendapat berita daripada abang saya di luar negeri.
	C	Entahlah sejak setahun lalu, saya masih belum mendapat berita daripada abang saya di luar negeri.
	D	Entahlah, sejak setahun lalu, saya masih belum mendapat berita daripada abang saya di luar negeri.

Soalan 42 hingga Soalan 43

Pilih perkataan berganda yang bergaris dalam ayat-ayat di bawah yang membawa maksud berulang-ulang.

42	I	Mustaffa termenung memerhatikan sekawan unggas berterbang-terbangan di angkasa.
	II	Norgayah menepuk-nepuk bahu Nora sambil mengucapkan tahniah setelah dinaikkan pangkat.
	III	Roduan terjengket-jengket kerana mengelakkan serpihan kaca yang bertaburan di lantai.
	IV	Ali tercengang-cengang apabila mendengar berita yang tidak diketahuinya.
	A	I, II dan III sahaja
	B	I, III dan IV sahaja
	C	II, III dan IV sahaja
	D	I, II, III dan IV

43	I	Sudah tiga hari Ramlah tidak hadir ke sekolah kerana mengalami cirit-birit.
	II	Para pengunjung pasar raya bertolak-tolakan untuk mendapatkan hadiah.
	III	Sungai Muar yang berliku-liku menjadi habitat ikan air tawar.
	IV	Perasaan Sarip berdebar-debar kerana menunggu kelahiran cahaya mata yang pertama.
	A	I dan II sahaja
	B	I dan IV sahaja
	C	I, II dan III sahaja
	D	II, III dan IV sahaja

Soalan 44 hingga Soalan 45

Pilih perkataan berganda yang bergaris dalam ayat-ayat di bawah yang membawa maksud saling.

44	I	Dalam diam-diam dia telah jatuh hati kepada sahabat penanya.
	II	Walaupun sudah lama hidup berjiran Salleh dan Kintan tidak pernah bertegur-sapa.
	III	Rakyat Malaysia dapat hidup dalam keadaan harmoni kerana sering tolong-menolong dan beramah-mesra.
	IV	Kursus masak-memasak itu mendapat perhatian kerana dikelolakan oleh Chef Wan.
	A	I dan III sahaja
	B	II dan III sahaja
	C	I, II dan III sahaja
	D	II, III dan IV sahaja

45	I	Suara unggas dan haiwan liar bersahut-sahutan di dalam hutan pada waktu malam.
	II	Dalam kehidupan berkeluarga perlulah ada sifat dan perasaan kasih-mengasihi.
	III	Kerana berselisihan pendapat mereka sering tuduh menuduh antara satu sama lain.
	IV	Dia berasa gundah-gulana kerana sering gagal dalam peperiksaan.
	A	I, II dan III sahaja
	B	II, III dan IV sahaja
	C	I, II dan IV sahaja
	D	I, III dan IV sahaja

Soalan 46 dan Soalan 47

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.

46	I	Tidak ada faedah jika kamu membuang masa dengan berkhayal sahaja.
	II	Dia berbaik-baik dengan orang kaya itu kerana ada faedah tersendiri.
	III	Penduduk Muar akan mendapat faedah daripada pembinaan jambatan kedua di sungai itu.
	IV	Bank itu memberi faedah 9.5% kepada penyimpannya.
	A	I dan II sahaja
	B	I dan III sahaja
	C	II, III dan IV sahaja
	D	I, II, III dan IV

47	I	Mereka akan naik Gunung Lambak pada minggu hadapan.
	II	Gaji kakitangan awam telah naik sepuluh peratus
	III	Paras air empangan Gunung Ledang telah naik apabila hujan lebat awal pagi semalam.
	IV	Kapal terbang itu naik di awan.
	A	I dan II sahaja
	B	I dan III sahaja
	C	II dan III sahaja
	D	I, II, III dan IV

Soalan 48 hingga Soalan 50

Pilih ayat yang betul.

48	I	Ayah menghadihkan seutas rantai emas kepada ibu
	II	Undang-undang lalulintas kita patut turuti.
	III	Pihak polis telah berjaya memberkas perompak itu.
	IV	Pemuda itu hampir terjatuh apabila terpijak kulit pisang.
	A	I, II dan III sahaja.
	B	I, II dan IV sahaja
	C	I, III dan IV sahaja
	D	II, III dan IV sahaja

49	I	Baju adik sesuai dipakai oleh saya.
	II	Kad jemputan ke majlis itu telah saya berikan pada Cikgu Azizah.
	III	Siri kartun Keluang Man memang saya minati.
	IV	Ruang dapur rumah Faris akan diperluas.
	A	I dan II sahaja
	B	I dan III sahaja
	C	II dan III sahaja
	D	III dan IV sahaja

50	I	Siapa-siapa yang mengoyakkan buku cerita ini mestilah membayar ganti rugi.
	II	Banyak kuih-muih yang terhidang itu dibuat oleh Siti Nurhanis.
	III	Bila kami sampai di sana, kami pun terus berenang.
	IV	Pohon kelapa itu tumbang lalu menghempap pondok itu.
	A	I dan II sahaja
	B	I dan IV sahaja
	C	II dan III sahaja
	D	II, III dan IV sahaja.

Soalan tamat